

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 410 Kaedah Mengajar Biologi III

Masa : [2 jam]

Semua calon dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan semuanya, iaitu soalan 1 dalam Bahagian A dan mana-mana dua soalan lagi daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (Soalan ini mesti dijawab)

1. Sistem pendidikan kita nampaknya lebih memberi keutamaan kepada tujuan-tujuan kognitif daripada tujuan-tujuan afektif dalam pengajaran di sekolah.
 - a) Senaraikan dan huraikan tujuan-tujuan afektif bagi kurikulum Biologi yang harus dipupuk oleh murid-murid di sekolah menengah.
 - b) Apakah yang menyebabkan kekurangan tumpuan yang diberi kepada tujuan-tujuan afektif dalam sistem pendidikan negara kita?
 - c) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencapai objektif-objektif afektif dalam pendidikan Biologi?

(40 markah)

BAHAGIAN B (Pilih mana-mana DUA soalan)

2. Kaedah pengajaran berorientasi murid adalah amat berkesan untuk mencegah masalah-masalah disiplin di dalam bilik darjah dan makmal.
 - a) Berdasarkan satu teori psikologi ATAU satu teori sosiologi pilihan anda, terangkan secara ringkas sebab-sebab murid-murid melencong di sekolah.
 - b) Cadangkan satu kaedah pengajaran berorientasi murid yang boleh digunakan dalam pendidikan Biologi dan jelaskan bagaimana kaedah yang dipilih oleh anda dapat menolong seseorang guru Biologi mencegah masalah-masalah disiplin di dalam bilik darjah dan makmal.

(30 markah)

...2/-

3. Kaedah kajian luar adalah suatu kaedah mengajar yang jarang digunakan oleh guru-guru Biologi di Malaysia.
- a) Berikan lima masalah yang menahan guru-guru Biologi daripada menggunakan kaedah ini
 - b) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.
 - c) Huraikan persediaan-persediaan yang mesti dibuat untuk suatu kajian luar jangka masa panjang di suatu tempat yang jauh dari sekolah anda.

(30 markah)

4. Letupan pengetahuan sejak Zaman Pertengahan telah melahirkan beberapa isu yang menimbulkan pertikaian. Penyelesaian masalah-masalah sosial memerlukan kegagahan untuk menghadapi isu-isu yang berkenaan. Walau bagaimanapun tradisi dalam perkembangan kurikulum sains ialah untuk mengembangkan kurikulum yang bebas daripada nilai-nilai sosial dan isu-isu.

Di dalam konteks kurikulum Biologi,

- a) apakah sebab-sebabnya tambahan pengetahuan melahirkan isu-isu yang menimbulkan pertikaian?
- b) senaraikan tiga topik dalam kurikulum Biologi sekolah menengah yang mungkin menimbulkan pertikaian.
- c) bagaimanakah anda boleh merancang pengajaran anda untuk menghadapi isu-isu tersebut?

(30 markah)